

05/10/2003

Cip teknologi tinggi untuk cek kerajaan

MUADZAM SHAH: Kementerian Kewangan akan mencadangkan kepada mesyuarat Kabinet mengenai langkah baru termasuk menggunakan cip berteknologi tinggi bagi meningkatkan ciri keselamatan cek kerajaan supaya tidak diklon atau dipalsukan.

Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr Jamaludin Mohd Jarjis, berkata adalah perlu bagi kerajaan mengambil satu langkah ke hadapan bagi memastikan kejadian seumpama itu tidak berulang.

"Kita akan mencadangkan langkah baru, termasuk menggunakan cip berteknologi tinggi iaitu Malaysian Microchip (MM Chip) yang baru dibeli kementerian pada 10 September lalu.

"Cadangan itu juga membabitkan penambahan ciri keselamatan pada cek kerajaan... kalau nombornya boleh diklon kita kena cari kaedah baru supaya cek itu tidak boleh diklon," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis pengisytiharan Kampus Sultan Haji Ahmad Shah Universiti Tenaga Nasional (Uniten) Bandar Muadzam Shah oleh Sultan Pahang di sini, semalam.

Dr Jamaluddin diminta mengulas langkah yang akan diambil kementeriannya bagi mengatasi kejadian cek kerajaan yang diklonkan membabitkan beberapa negeri.

Dalam hal ini katanya, kementeriannya akan meminta kerjasama kerajaan negeri berjumpa pihaknya bagi mengkaji apa yang berlaku dan bagaimana mereka menyalahguna serta mengambil kesempatan di atas kelemahan yang ada dalam sistem cek kerajaan.

"Perjumpaan itu akan membabitkan kerajaan negeri, Bank Negara dan Peguam Negara.

Kita akan meninjau dan mengkaji serta memberi nasihat kepada kerajaan negeri, berikutan urusan kewangan negeri adalah bergantung kepada budi bicara kerajaan negeri.

"Arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan kepada kita ialah membantu dan menasihati mereka supaya kejadian itu dapat dihindar dan tidak berulang lagi," katanya.

Mengenai kemungkinan ia membabitkan kakitangan bank, beliau berkata, pihaknya akan meminta Bank Negara menjalankan siasatan sama ada wujud kelemahan dalam institusi kewangan terbabit.

"Laporan hasil siasatan itu perlu dilaporkan kepada kita dan dengan input Bank Negara serta pandangan kerajaan negeri, melalui Pegawai Kewangan masing-masing kita akan kemukakan laporan kepada Dr Mahathir untuk diputuskan," katanya.

Mengenai kemungkinan ada kakitangan jabatan terbabit dalam kes pengklonan cek kerajaan itu, Dr Jamaludin berkata, beliau difahamkan kerajaan negeri terbabit sudah membuat laporan kepada agensi bertanggungjawab iaitu Badan Pencegah Rasuah (BPR).

"Biarlah polis dan agensi itu menjalankan siasatan serta mengambil tindakan mengikut kaedah dan peraturan biasa," katanya.